



## SIARAN MEDIA

### **KEMBARA STIE MOSTI PERKASA BIDANG SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

- Program Kembara Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE) antara usaha MOSTI memartabatkan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) tempatan

---

**KOTA KINABALU, 10 September 2020** – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini meneruskan program Kembara Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE) di Sabah bermula 10 hingga 11 September 2020 dalam usaha memartabatkan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) tempatan dalam menyokong perjalanan dan visi ke arah negara berteknologi tinggi.

Usaha Kerajaan ini juga adalah bagi memperkasa STI serta menggalakkan pelajar meminati bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), dengan mendedahkan mereka kepada pelbagai pengalaman pembelajaran yang interaktif dan imersif melalui pameran, bengkel, forum, pertandingan dan persembahan, di samping menggalakkan penyertaan lebih ramai usahawan serta menggalakkan perkembangan usahawan tempatan berasaskan teknologi. Yang Berhormat Khairy Jamaluddin, Menteri MOSTI turut menghadiri Kembara STIE yang diadakan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) hari ini.

Kembara STIE Sabah ini adalah kesinambungan daripada siri Kembara STIE MOSTI yang sedang dilaksanakan di seluruh negara bermula dengan Zon Tengah yang dianjurkan kali pertama pada siri tahun ini di Rembau pada 5 September 2020, yang telah disekalikan dengan perasmian Minggu Sains Negara (MSN) peringkat Negeri Sembilan.

Setakat ini, daripada tahun 2016 sehingga 2020 menerusi Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11), MOSTI telah membiayai projek di bawah Dana Penyelidikan (ScienceFund), Dana Pra-Pengkomersialan dan Dana Modal Teroka kepada negeri Sabah sebanyak RM19.1 juta. Di samping itu, Dana Malaysia Social Innovation (MySI) yang dibiayai oleh MOSTI bagi negeri Sabah dari tahun 2016 hingga 2020 kini berjumlah RM13,533,051.00.

Di UMS, YB Khairy Jamaluddin turut diberi taklimat mengenai salah satu projek International Collaboration Fund (ICF) yang mendapat sumbangan dana berjumlah RM230,500.00 daripada MOSTI untuk membangunkan Teknologi Pengesan Emosi Realiti Maya atau Virtual Reality Emotion Detection (VRED). Fakulti Komputeran dan Informatik UMS telah diberi tanggungjawab untuk membangunkan projek ini iaitu menghasilkan sistem pengkomputeran imersif yang berkesan melalui pemboleh pakai *electroencephalography* (EEG) iaitu penjejakan mata dan pengesan inertia.

Antara pengisian sepanjang Program Kembara STIE kali ini adalah taklimat berkaitan inisiatif-inisiatif MOSTI seperti Sandbox Inovasi dan Teknologi Nasional (*National Technology Innovation Sandbox* - NTIS) yang memberi kemudahan untuk pengujian produk, perkhidmatan, model perniagaan dan mekanisme penyampaian dalam persekitaran sebenar

bagi membangunkan teknologi dan produk penyelidikan boleh diguna pakai secara segera.

Selain itu, taklimat berkenaan Geran Padanan Impak Sosial (SIM) diadakan dengan geran bertujuan menyokong para perusahaan sosial tempatan dan perusahaan impak sosial dalam mengumpul dana, meningkatkan kesedaran umum tentang inovasi sosial serta mengetengahkan solusi perusahaan sosial demi kepentingan masyarakat serta alam sekitar.

Turut diberi taklimat semasa program adalah inisiatif Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) dan Hackathon, iaitu antara program utama MOSTI dalam menggerakkan agenda STIE negara bagi meningkatkan kesedaran dan meyakinkan masyarakat bahawa sains dan teknologi dapat memberi manfaat kepada mereka pada masa hadapan.

YB Khairy Jamaluddin turut mengetuai lawatan ke agensi di bawah MOSTI; Jabatan Kimia Malaysia cawangan Negeri Sabah untuk bertemu dengan warga kerja serta meninjau Projek Menaik Taraf Sistem Pendingin Hawa Berpusat yang merupakan salah satu projek di bawah RMK-11. Turut hadir pada Kembara STIE Sabah ini ialah YBhg. Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir, Ketua Setiausaha MOSTI.

**- TAMAT -**

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

10 September 2020